

BAB 1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI (B)

1. Antara yang berikut, yang manakah melibatkan kos lepas?
A Menyedut udara segar
B Menikmati pemandangan di tepi laut
C Mendengar ceramah motivasi selama dua jam
D Menggunakan air hujan untuk menyiram pokok bunga
2. Berikut merupakan faktor pengeluaran dan bentuk ganjaran yang diperoleh. Padanan yang manakah **tidak benar**?


	Faktor Pengeluaran	Ganjaran
A	Pemilik tanah	Sewa
B	Buruh	Upah
C	Pemilik modal	Bayaran pindahan
D	Usahawan	Untung

3. Antara yang berikut, yang manakah faktor pengeluaran dalam pengeluaran biskut? I Hasil jualan biskut
II Ketuhar pembakar biskut
III Pengurus besar kilang biskut
IV Peruncit yang menjual biskut
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
4. Pernyataan di bawah menunjukkan suatu masalah ekonomi.

Pengeluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mencapai keuntungan yang maksimum.

Unit ekonomi yang manakah mengalami masalah ekonomi tersebut?

- A Encik Aqil Aminuddin
B Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan
C Pengusaha Batik Mak Pija Sdn Bhd
D Kementerian Pertanian Malaysia
5. Rajah di bawah menunjukkan unit-unit ekonomi.



Apakah Z?

- A Puan Zarini
B Syarikat Kosmetik Anggun
C Kementerian Pertanian Malaysia
D Kilang Pemprosesan Arang Haji Arip
6. Mengapakah kerajaan wajar merancang perbelanjaan dengan cermat?

- A Kekurangan teknologi
- B Kekurangan sumber hasil
- C Kekurangan sumber alam
- D Kekurangan kakitangan awam

7. Pernyataan di bawah berkaitan dengan faktor pengeluaran.

Faktor pengeluaran X	Faktor pengeluaran Y
Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam aktiviti pengeluaran	Menyelaraskan faktor pengeluaran lain dalam aktiviti pengeluaran

Apakah faktor pengeluaran X dan Y?

	X	Y
A	Modal	Usahawan
B	Usahawan	Buruh
C	Buruh	Usahawan
D	Buruh	Modal

8. Andaikan Amirul membeli sebatang raket badminton baharu, apakah kos lepasnya?
- A Harga raket badminton
 - B Barang lain yang boleh dibeli dengan jumlah wang yang sama
 - C Masa yang digunakan oleh Amirul untuk bermain badminton
 - D Alatan lain yang perlu dibeli untuk permainan badminton
9. Kerajaan telah membina sebuah politeknik baharu di Negeri Sembilan. Kos lepasnya ialah
- A Pembinaan hospital baharu di negeri Pahang yang terpaksa ditangguhkan
 - B Kos upah yang ditanggung oleh kerajaan untuk membina politeknik tersebut
 - C Kos bahan binaan yang ditanggung oleh kerajaan untuk membina politeknik tersebut
 - D Yuran pengajian yang perlu dibayar oleh pelajar yang mengikuti kursus di politeknik tersebut
10. Intan ingin membeli sepasang kasut baru. Harga kasut untuk jenama Niko ialah RM119.90 manakala jenama Adidus berharga RM89.90. Apakah kos lepasnya jika dia cuma mempunyai RM100?
- A Kos lepas ialah kasut Adidus
 - B Kos lepas ialah kasut Niko
 - C Kos lepas ialah kasut Adidus dan Niko
 - D Tiada kos lepas